



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI APRIL 2025

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi April 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih daripada 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen/keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek, termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 49.9 bagi April 2025, menunjukkan perniagaan secara amnya menjangka keadaan akan merosot berbanding dengan bulan sebelumnya. Ini dikaitkan dengan jangkaan tahap jualan yang lebih rendah kerana orang ramai banyak berbelanja sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri, serta kebimbangan bahawa keadaan pasaran yang lebih lemah daripada jangkaan semasa bulan Ramadhan akan berterusan ke bulan April. Cabaran-cabaran khusus sektor (sector-specific) juga turut menjejaskan sentimen, terutamanya gangguan operasi berkaitan cuaca dan ketidakpastian pasaran luaran. Walau bagaimanapun, beberapa perniagaan mencatatkan sentimen optimistik dengan jangkaan peningkatan dalam permintaan dan aktiviti berikutan kedatangan bulan Syawal dan waktu operasi yang kembali normal. Indeks keadaan perniagaan bagi satu bulan ke hadapan meningkat kepada tahap 50.1, menunjukkan sentimen yang sedikit optimistik bagi Mei 2025. Perniagaan menjangka pemulihan aktiviti domestik selepas musim perayaan, didorong oleh projek baharu, serta peningkatan dalam perbelanjaan tempatan memandangkan aktiviti merentas sempadan dijangka berkurangan dengan bermulanya musim peperiksaan sekolah.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.3 bagi Mac 2025, dan 50.1 bagi tempoh satu bulan ke hadapan dan tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan para peniaga menjangka akan meningkatkan tahap pelaburan pada April 2025 dan bulan-bulan seterusnya. Bagi April 2025, perniagaan menjangka akan meningkatkan pelaburan bagi menaik taraf sistem untuk meningkatkan kecekapan operasi, pembelian mesin dan peralatan bagi projek-projek baharu, serta pembelian perabot untuk kemudahan-kemudahan yang baharu dan sedia ada. Di masa yang terdekat, beberapa perniagaan akan melaksanakan projek untuk meningkatkan kapasiti operasi, pengubahsuaian, pembelian kenderaan baharu, serta penambahan stok bagi pertengahan tahun.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** berada pada tahap 50.2 pada bulan April 2025 dan 49.9 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa, secara amnya, perniagaan menjangka akan meningkatkan pengambilan pekerja pada April 2025 dan akan mengurangkannya pada Mei 2025. Peningkatan pada April 2025 dikaitkan dengan pengambilan pekerja untuk memenuhi permintaan bermusim semasa acara perayaan, serta untuk mengembangkan perniagaan dan projek-projek baharu. Hasil kaji selidik turut menunjukkan beberapa perniagaan sedang dalam proses penambahan tenaga kerja baharu. Sebaliknya, jangkakan penurunan tahap pengambilan pekerja pada Mei 2025 dikaitkan dengan penamatan kontrak pekerja dan sebilangan perniagaan yang sedang mengurangkan jumlah tenaga kerja.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah pada tahap 49.9 bagi April 2025 dan 50.1 bagi satu bulan ke hadapan. Sub-indeks ini menunjukkan pengurangan dalam kos secara keseluruhan bagi April 2025 berbanding dengan bulan sebelumnya. Ini didorong oleh harga bahan mentah yang menurun, kos operasi yang lebih rendah bagi sesetengah perniagaan yang menanggung perbelanjaan tinggi semasa musim perayaan, serta pengurangan pembayaran lebih masa untuk pekerja. Bagi satu bulan ke hadapan, perniagaan menjangka kos akan meningkat ke tahap biasa dengan pengembalian semula waktu operasi biasa dan penyambungan semula projek-projek. Beberapa perniagaan mengaitkan jangkakan kenaikan kos dengan ketegangan perdagangan global, terutamanya dari segi tekanan tarif global yang berkemungkinan akan meningkatkan kos pengimportan.

BSI April 2025	
Keadaan Perniagaan	49.9
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan	50.3
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	49.9
Kos Perniagaan	49.9
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.1

8. Dari segi **sektor ekonomi**, enam daripada 11 sektor merekodkan sentimen optimistik mengenai keadaan perniagaan bagi April 2025:

- Sektor Kesihatan & Pendidikan mencatatkan tahap optimistik yang tertinggi dengan indeks 50.6, sebahagian besarnya didorong oleh lonjakan permintaan bermusim seiring dengan pengembalian semula operasi normal selepas bulan Ramadhan.
- Sektor Hotel & Restoran dan sektor Pengangkutan & Komunikasi mengaitkan sentimen optimistik kepada pelbagai faktor seperti promosi bermusim, kemasukan kumpulan pelancong, dan peningkatan tempahan tempat dan catering sempena Hari Raya Aidilfitri dan majlis perkahwinan.
- Sektor Kewangan & Insurans pula melaporkan sentimen optimistik berikutan jangkaan kenaikan permintaan insurans kenderaan, serta peningkatan sumbangan takaful dan kemudahan pinjaman pelanggan.
- Sentimen optimistik turut dilaporkan bagi sektor Pembinaan dan sektor Pembuatan disebabkan oleh projek-projek baharu dan peningkatan aktiviti.

Sebaliknya, empat sektor menunjukkan sentimen pesimistik:

- Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan serta sektor Perdagangan Borong & Runcit menjangka permintaan lebih rendah semasa musim perayaan.
- Sektor Perkhidmatan Lain pula melaporkan cabaran kos yang lebih tinggi yang dijangka akan menjejaskan prestasi perniagaan.
- Sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan juga mengongsikan beberapa cabaran dan faktor luaran.

Di samping itu, sektor Harta Tanah & Pemilikan Kediaman kekal stabil dengan sentimen yang sama berbanding bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan April 2025 Mengikut Sektor	
Kesihatan & Pendidikan	50.6
Hotel & Restoran	50.4
Pengangkutan & Komunikasi	50.4
Kewangan & Insurans	50.2
Pembinaan	50.1
Pembuatan	50.1
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	49.9
Perkhidmatan Lain	49.8
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	49.8
Perdagangan Borong & Runcit	49.6

9. Dari segi **saiz perniagaan**, perniagaan sederhana melaporkan pandangan sedikit optimistik yang didorong oleh peningkatan tempahan kerja dan jumlah pelanggan. Sebaliknya, perniagaan bersaiz kecil dan besar secara amnya berpandangan pesimistik, dengan jangkaan perniagaan akan terjejas oleh cabaran bermusim dan peningkatan persaingan. Sementara itu, perniagaan bersaiz mikro menyatakan sentimen yang sama dengan bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan April 2025 Mengikut Saiz	
Mikro	50.0

Kecil	49.8
Sederhana	50.2
Besar	49.9

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 14 Zulhijjah 1446H / 11 Jun 2025M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan




Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.


Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga April 2025



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.